



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN MODEL KEMAHIRAN
GENERIK KE ARAH MEMPERTINGKATKAN
KEBOLEHPASARAN GRADUAN PENDIDIKAN
DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL
BERMASALAH PENDENGARAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

YONG SEH SHEH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN MODEL KEMAHIRAN GENERIK KE ARAH
MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN
PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL
BERMASALAH PENDENGARAN**

YONG SEH SHEH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN MODEL KEMAHIRAN GENERIK KE ARAH MEMPERTINGKATKAN
KEBOLEHPASARAN GRADUAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL
VOKASIONAL BERMASALAH PENDENGARAN

No. Matrik / Matric No.: P20171000899

Saya / I : YONG SEH SHEH

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya berasa amat bersyukur kerana telah berjaya menyempurnakan penyelidikan ini dengan jayanya. Rakaman penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Zaliza binti Hanapi atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penulisan tesis ini. Segala pandangan, nasihat dan kritikan yang diberi sepanjang tempoh penyeliaan amat dihargai dan disanjung tinggi. Penghargaan juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan kerana memberi peluang kepada saya menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Kedoktoran dalam program Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khas kepada pemeriksa dalam iaitu Prof. Madya Dr. Arasinah binti Kamis dan Dr. Suriani binti Mohamed serta pemeriksa luar iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Asnul Dahar bin Minghat dan Ts. Dr. Tee Tze Kiong yang telah memberi cadangan membina bagi mempertingkatkan kualiti penulisan tesis ini. Tidak lupa juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan, Owi Kim Huei, Ramdzan, Zuraifah, Shazielan, Ummu, Anisah dan Juniza yang saling memberi sokongan dan berkongsi suka duka. Sesungguhnya perjalanan untuk menyiapkan tesis ini telah menguji kesabaran dan erti kesahabatan yang sebenar. Akhir sekali, ucapan terima kasih istimewa kepada ibuku, suamiku, anak-anakku dan ahli keluarga yang sentiasa memberi dorongan, sokongan dan memahami kesibukan saya dalam menyiapkan tesis ini. Tanpa salah satu pihak yang disebut di atas, tesis ini tidak dapat disempurnakan. Hanya Tuhan yang mampu membalas jasa, pengertian, pengorbanan dan doamu dalam perjalanan penulisan tesis ini.





ABSTRAK

Kebolehpasaran orang kurang upaya sentiasa dipersoalkan di dalam dan di luar negara. Namun, usaha yang dijalankan masih tidak dapat menyelesaikan masalah kebolehpasaran mereka. Tambahan lagi, kurang kajian empirikal yang boleh dirujuk bagi meneliti permasalahan ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membangunkan model kemahiran generik ke arah mempertingkatkan kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (PLTV) bermasalah pendengaran. Pemboleh ubah bebas yang dikaji ialah kemahiran generik dan pemboleh ubah bersandar ialah kebolehpasaran. Pemboleh ubah penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi pula merupakan pemboleh ubah moderator dalam hubungan antara kemahiran generik dan kebolehpasaran. Kajian eksplorasi ini berbentuk tinjauan untuk menentukan kemahiran generik, penilaian sendiri, pengalaman diskriminasi dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran. Kajian ini juga menentukan perbezaan pemboleh ubah-pemboleh ubah ini berdasarkan persepsi majikan dan graduan. Kajian ini melibatkan 167 graduan PLTV bermasalah pendengaran yang telah tamat pengajian dari politeknik dan kolej komuniti sijil kemahiran khas antara tahun 2013 hingga 2017 di Malaysia serta 104 majikan yang merekrut mereka. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan set soal selidik yang diadaptasi daripada penyelidik lepas, lalu diuji kesahan melalui teknik Delphi ubahsuai. Kemudian instrumen diterjemahkan dalam bentuk bahasa isyarat dan dimasukkan dalam *google form*. Kajian rintis juga dijalankan bagi memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini. Semua data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan PLS-SEM. Hasil kajian mendapati hubungan positif antara kemahiran generik dan kebolehpasaran menjadi lebih kuat apabila penilaian sendiri tinggi manakala moderator pengalaman diskriminasi tidak mengubah kekuatan hubungan ini. Kajian ini memberi implikasi kepada pembangunan satu model kemahiran generik ke arah mempertingkatkan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran.





DEVELOPMENT OF MODEL GENERIC SKILLS TO IMPROVE THE EMPLOYABILITY OF HEARING-IMPAIRED GRADUATES OF TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING

ABSTRACT

The employability of disabled individuals has always been questioned in the country and abroad. Even so, the efforts made thus far has yet to solve this issue. Furthermore, there is a lack in empirical survey that can be used as reference to study this problem. Therefore, this study has been conducted to develop a model of generic skills to improve the employability of hearing-impaired graduates of Technical and Vocational Education and Training (TVET). The independent variable studied is the generic skills while the dependent variable is employability. Self-evaluation and experience of discrimination are the moderator variables in relation between generic skills and employability. This exploratory research in the form of survey is to determine the generic skills, self-evaluation, experience of discrimination and employability of TVET hearing-impaired graduates. This study also determines the different of the abovementioned variables based on graduates' and employers' perceptions. This study involved the participation of 167 TVET hearing-impaired graduates who had completed their tertiary education from polytechnics and community colleges with special skills certificates between 2013 and 2017 in Malaysia and 104 employers who recruited them. The instrument used in this study is a set of questionnaires adapted from verified and trusted former researchers and was also verified by experts through modified Delphi technique. Then the instrument was translated into sign language and copied into google form. A pilot test was also carried out to obtain high validity and reliability for the study. All the data obtained has been analyzed using SPSS and PLS-SEM software. The results of the study found that the positive relationship between generic skills and employability becomes stronger when self-evaluation is high while the moderator, experience of discrimination does not change the strength of this relationship. This study has implications for the development of a model on the generic skills to improve employability of the TVET hearing-impaired graduates.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Penyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Persoalan Kajian	16
1.6 Hipotesis Kajian	17
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	18
1.8 Kepentingan Kajian	22
1.8.1 Masyarakat	22
1.8.2 Majikan	23
1.8.3 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	23

1.8.4	Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)	24
1.8.5	Golongan OKU Bermasalah Pendengaran	25
1.9	Batasan Kajian	25
1.10	Definisi Operasional	27
1.10.1	Orang Kurang Upaya (OKU)	27
1.10.2	Graduan Bermasalah Pendengaran	27
1.10.3	Kemahiran Generik	28
1.10.4	Penilaian Kendiri	29
1.10.5	Pengalaman Diskriminasi	30
1.10.6	Kebolehpasaran	30
1.11	Rumusan	31

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	32
2.2	Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (PLTV) untuk OKU	33
2.3	Kerjaya dan OKU	38
2.3.1	Transisi Sekolah ke Kerjaya dalam Kalangan OKU	39
2.3.2	Masalah Pengangguran dalam Kalangan OKU	43
2.3.3	Usaha Membantu OKU Mendapat Pekerjaan	45
2.4	Teori dan Model Berkaitan Kajian	47
2.4.1	Teori Modal Insan	51
2.4.2	Teori Kognitif Sosial	54
2.4.3	Model <i>The Key to Employability</i>	56
2.4.3.1	Pengetahuan, Pemahaman dan Kemahiran tentang Bidang	57
2.4.3.2	Kemahiran Generik	57

2.4.3.3 Kecerdasan Emosi	58
2.4.3.4 Pembelajaran Perkembangan Kerjaya	58
2.4.3.5 Pengalaman – Hidup dan Kerja	59
2.4.4 Model Sosial Ketidakupayaan	62
2.5 Kemahiran Generik	64
2.5.1 Kemahiran Bahasa	67
2.6 Penilaian Kendiri	70
2.7 Pengalaman Diskriminasi di Tempat Kerja	74
2.8 Kebolehpasaran	79
2.9 Perbezaan Persepsi Kemahiran Generik dan Kebolehpasaran di Antara Majikan dan Graduan	82
2.10 Hubungan antara Kemahiran Generik dengan Kebolehpasaran	83
2.11 Hubungan antara Penilaian Kendiri dengan Kebolehpasaran	87
2.12 Hubungan antara Pengalaman Diskriminasi dengan Kebolehpasaran	88
2.13 Peranan Penilaian Kendiri sebagai Moderator	90
2.14 Peranan Pengalaman Diskriminasi sebagai Moderator	96
2.15 Model Kemahiran Generik ke Arah Mempertingkatkan Kebolehpasaran	100
2.16 Rumusan	103

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	105
3.2 Reka Bentuk Kajian	105
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	108
3.4 Instrumen	116
3.4.1 Pembinaan Soal Selidik	118

3.5	Kesahan Instrumen Kajian	126
3.5.1	Kesahan Kandungan	127
3.5.2	Kesahan Muka	131
3.6	Kajian Rintis	135
3.6.1	Kebolehpercayaan Instrumen kajian	136
3.6.2	Kesahan Konstruk	139
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	143
3.8	Kaedah Penganalisan Data	148
3.8.1	Analisis Temu Bual Separa Berstruktur	148
3.8.2	Analisis Deskriptif	150
3.8.3	Analisis Inferensi	152
3.8.3.1	Ujian <i>Mann-Whitney</i>	152
3.8.3.2	PLS-SEM	153
3.9	Rumusan	170

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	171
4.2	Analisis Responden Kajian Teknik Delphi Ubahsuai	172
4.3	Analisis Responden Kajian Tinjauan	173
4.3.1	Analisis Maklumat Diri Responden Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	174
4.3.2	Analisis Maklumat Diri Responden Majikan yang Merekrut Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	177
4.4	Analisis Ujian Normaliti Data	178
4.5	Persoalan Kajian Pertama: Apakah faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran?	182

4.5.1	Pembentukan Soal Selidik bagi Item Penilaian Kendiri Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	189
4.5.2	Pembentukan Soal Selidik bagi Item Pengalaman Diskriminasi Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	191
4.5.3	Pembentukan Soal Selidik bagi Item Kebolehpasaran Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	193
4.6	Persoalan Kajian Kedua: Apakah subkonstruk kemahiran generik bagi graduan PLTV bermasalah pendengaran?	197
4.6.1	Subkonstruk Kemahiran Generik	198
4.6.2	Pembentukan Soal Selidik bagi Item Kemahiran Generik Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	207
4.6.3	Rumusan Teknik Delphi Ubahsuai	216
4.7	Persoalan Kajian Ketiga: Apakah tahap kemahiran generik, penilaian sendiri, pengalaman diskriminasi dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran berdasarkan persepsi graduan dan majikan?	217
4.7.1	Taburan Tahap bagi Setiap Subkonstruk Kemahiran Generik	220
4.7.2	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item Konstruk Kemahiran Generik	224
4.7.3	Taburan Tahap bagi Konstruk Penilaian Kendiri	234
4.7.4	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item Konstruk Penilaian Kendiri	235
4.7.5	Taburan Tahap bagi Konstruk Pengalaman Diskriminasi	236
4.7.6	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item Konstruk Pengalaman Diskriminasi	237
4.7.8	Taburan Tahap bagi Konstruk Kebolehpasaran	238
4.7.9	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item Konstruk Kebolehpasaran	239
4.7.10	Analisis Data Temu Bual bagi Konstruk Kebolehpasaran	242

4.8	Persoalan Kajian Keempat: Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap kemahiran generik yang dikuasai dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran di antara majikan dan graduan?	246
4.9	Persoalan Kajian Kelima: Adakah terdapat hubungan antara kemahiran generik, penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi dengan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran?	249
4.9.1	Pengujian Model Pengukuran	249
4.9.1.1	Model Pengukuran Reflektif	250
4.9.1.2	Model Pengukuran Formatif (<i>2nd order</i>)	255
4.9.2	Pengujian Model Struktur	257
4.10	Persoalan Kajian Keenam: Bagaimanakah moderator penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi memberi kesan ke atas hubungan antara kemahiran generik dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran?	261
4.11	Persoalan Kajian Ketujuh: Apakah model kemahiran generik ke arah mempertingkatkan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran?	264
4.12	Rumusan	265

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	266
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	267
5.2.1	Rumusan Berdasarkan Maklumat Diri Responden Kajian	267
5.2.2	Rumusan Berdasarkan Hasil Dapatan Kajian	269
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	272
5.3.1	Faktor yang Mempengaruhi Kebolehpasaran Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	272
5.3.2	Subkonstruk Kemahiran Generik bagi Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	276

5.3.3 Tahap Kemahiran Generik, Penilaian Kendiri, Pengalaman Diskriminasi dan Kebolehpasaran Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran Berdasarkan Persepsi Graduan dan Majikan	280
5.3.3.1 Tahap Kemahiran Generik	285
5.3.3.2 Tahap Penilaian Kendiri	294
5.3.3.3 Tahap Pengalaman Diskriminasi	296
5.3.3.4 Tahap Kebolehpasaran	298
5.3.4 Perbezaan Persepsi Terhadap Kemahiran Generik yang Dikuasai dan Kebolehpasaran Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran di antara Majikan dan Graduan	300
5.3.5 Hubungan antara Kemahiran Generik, Penilaian Kendiri dan Pengalaman Diskriminasi dengan Kebolehpasaran Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	301
5.3.6 Kesan Moderator Penilaian Kendiri dan Pengalaman Diskriminasi ke atas Hubungan antara Kemahiran Generik dan Kebolehpasaran Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	308
5.3.7 Model Kemahiran Generik ke arah mempertingkatkan Kebolehpasaran Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	311
5.4 Implikasi Kajian	315
5.4.1 Perspektif Teoritikal	316
5.4.2 Perspektif Perkembangan Ilmu	316
5.4.3 Perspektif Pembentukan Model	318
5.4.4 Perspektif Pembentukan Soal Selidik	321
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	322
5.6 Rumusan	324
RUJUKAN	327
LAMPIRAN	351

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Senarai Panel Pakar bagi Temu Bual dan Teknik Delphi Ubahsuai	109
3.2 Statistik Populasi Graduan Bermasalah Pendengaran Berdasarkan Institusi Pengajian	110
3.3 Pensampelan Rawak Mudah Berdasarkan Institusi Pengajian (Saiz Sampel=229)	113
3.4 Pensampelan Rawak Mudah Berdasarkan Institusi Pengajian (Saiz Sampel=109)	114
3.5 Analisis Bilangan Sampel Graduan	115
3.6 Instrumen yang Diadaptasi	117
3.7 Pecahan Bilangan Item dalam Set Soal Selidik	122
3.8 Skala Likert 5-Peringkat	126
3.9 Nilai Minimum CVR _i	129
3.10 Taburan Item selepas Pengesahan Pakar	130
3.11 Tahap Kesepakatan Berdasarkan Nilai Julat Antara Kuartil	132
3.12 Analisis Kesahan Muka/Keseluruhan (Item Disingkirkan)	133
3.13 Taburan Item selepas Kesahan Muka	134
3.14 Interpretasi Skor Alpha Cronbach	137
3.15 Perincian Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik Graduan	138
3.16 Perincian Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik Majikan	138
3.17 Kriteria Analisis Faktor PCA	140

3.18	Nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)	141
3.19	Keputusan Analisis Faktor Penerokaan (Set Soal Selidik Graduan)	142
3.20	Keputusan Analisis Faktor Penerokaan (Set Soal Selidik Majikan)	142
3.21	Penganalisan Maklumat Diri Responden Graduan	151
3.22	Penganalisan Maklumat Diri Responden Majikan	151
3.23	Taburan Skor Min Tahap	152
3.24	Panduan Nilai Threshold bagi Aspek Pengujian Model Pengukuran Reflektif	158
3.25	Panduan Nilai Threshold bagi Aspek Pengujian Model Pengukuran Formatif	160
3.26	Panduan Nilai Threshold bagi Aspek Pengujian Model Struktur	163
3.27	Analisis Data Kajian	168
4.1	Taburan Responden dalam Teknik Delphi Ubahsuai	173
4.2	Taburan Responden Graduan PLTV bermasalah pendengaran	176
4.3	Taburan Responden Majikan yang Merekrut Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	178
4.4	Ujian Normaliti Data Skewness dan Kurtosis	180
4.5	Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk bagi Data Graduan	181
4.6	Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk bagi Data Majikan	181
4.7	Nilai CVRi Setiap Item bagi Konstruk Penilaian Kendiri	190
4.8	Nilai CVRi Setiap Item bagi Konstruk Pengalaman Diskriminasi	192
4.9	Nilai CVRi Setiap Item bagi Konstruk Kebolehpasaran	195

4.10	Taburan Item Selepas Pengesahan Pakar Teknik Delphi Ubahsuai	196
4.11	Bilangan Item bagi Konstruk Penilaian Kendiri, Pengalaman Diskriminasi dan Kebolehpasaran	197
4.12	Perbandingan Subkonstruk Kemahiran Generik Sebelum dan Selepas Temu Bual	207
4.13	Nilai CVRi Setiap Item bagi Setiap Subkonstruk Kemahiran Generik	209
4.14	Taburan Item Ditambah, Disingkirkan dan Dikekalkan bagi Subkonstruk Kemahiran Generik	214
4.15	Bilangan Item Setiap Subkonstruk Kemahiran Generik	215
4.16	Nilai CVI	216
4.17	Taburan Skor Min Tahap Setiap Konstruk	217
4.18	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Konstruk	219
4.19	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Subkonstruk Kemahiran Generik	219
4.20	Taburan Tahap Kemahiran Generik dari Persepsi Graduan	221
4.21	Taburan Tahap Kemahiran Generik dari Persepsi Majikan	223
4.22	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Kemahiran Generik (Graduan)	224
4.23	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Kemahiran Generik (Majikan)	229
4.24	Taburan Tahap bagi Konstruk Penilaian Kendiri	234
4.25	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item Konstruk Penilaian Kendiri	236
4.26	Taburan Tahap Pengalaman Diskriminasi	237
4.27	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Konstruk Pengalaman Diskriminasi	238
4.28	Taburan Tahap Kebolehpasaran dari Persepsi Graduan	239

4.29	Taburan Tahap Kebolehpasaran dari Persepsi Majikan	239
4.30	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Konstruk Kebolehpasaran (Graduan)	240
4.31	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Item bagi Konstruk Kebolehpasaran (Majikan)	242
4.32	Analisis Ujian Mann-Whitney Perbezaan Persepsi Terhadap Tahap Kemahiran Generik yang Dikuasai oleh Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran di Antara Majikan dan Graduan	248
4.33	Analisis Ujian Mann-Whitney Perbezaan Persepsi Terhadap Tahap Kebolehpasaran Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran di Antara Majikan dan Graduan	248
4.34	Kebolehpercayaan dan Kesahan Menumpu	251
4.35	Kesahan Diskriminan Menggunakan Kriteria Fornell dan Larcker	253
4.36	Kesahan Diskriminan Menggunakan Kriteria HTMT	254
4.37	Pengukuran Konstruk Formatif	256
4.38	Penilaian Kolinariti Lateral	258
4.39	Pengujian Hipotesis	260
4.40	Keputusan Analisis Moderator	262

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	21
2.1 Teori Modal Insan. Diadaptasi dari Ab Halim (2013)	54
2.2 Teori Kognitif Sosial. Diadaptasi dari Bandura (1977)	56
2.3 Model <i>The Key to Employability</i>	62
3.1 Formula Pengiraan Saiz Sampel Rea dan Parker (2014)	111
3.2 Formula Pengiraan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	111
3.3 Kaedah Pengiraan Saiz Sampel Menggunakan Formula Rea dan Parker	112
3.4 Kaedah Pengiraan Saiz Sampel Menggunakan Formula Krejcie dan Morgan	112
3.5 Proses Pembinaan Item Soal Selidik	121
3.6 Formula <i>Content Validity Ratio</i>	128
3.7 Pengiraan Indeks Kesahan Kandungan (CVI) Instrumen Kajian	130
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	147
3.9 Interaksi antara Pemboleh Ubah Moderator dengan Pemboleh Ubah Peramal dan Pemboleh Ubah Bersandar	165
4.1 Model <i>Path</i> bagi Model Pengukuran Reflektif	255
4.2 Model <i>Path</i> bagi Model Pengukuran Formatif (<i>2nd order</i>)	257
4.3 Model <i>Path</i> bagi Model Struktur	260
4.4 Plot Interaksi	263
4.5 Model <i>Moderator</i>	263

4.6	Model Akhir Kemahiran Generik ke Arah Mempertingkatkan Kebolehpasaran Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	265
5.1	Model Kemahiran Generik ke Arah Mempertingkatkan Kebolehpasaran Graduan PLTV Bermasalah Pendengaran	315

SENARAI SINGKATAN

AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
BPKhas	Bahagian Pendidikan Khas
CFA	<i>Confirmation Factor Analysis</i>
CR	<i>Composite Reliability</i>
CVI	Indeks Kesahan Kandungan
CVR	Nisbah Kesahan Kandungan
CSES	<i>Core Self-Evaluation Scale</i>
DV	<i>Dependent Variable</i>
EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
HTMT	<i>Heterotrait-Monotrait ratio of correlations</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IV	<i>Independent Variable</i>
JAK	Julat Antara Kuartil
JKM	Jabatan Kebajikan Malaysia
JTKSM	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
KFC	<i>Kentucky Fried Chicken</i>
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MV	<i>Moderator Variable</i>
OKU	Orang Kurang Upaya

PCA	<i>Principal Component Analysis</i>
PLS	<i>Partial Least Squares</i>
PLTV	Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMK-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMK-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SCANS	<i>Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills</i>
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
SMPKV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
SPOKU	Sistem Penempatan OKU
SPSS	<i>Statistical Package for Sosial Science</i>
UPPOKU	Unit Penempatan Pekerjaan OKU
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Pengakuan Status Pelajar
- B Contoh Surat Permohonan Kebenaran Mendapatkan Data Statistik
- C Pengiraan Saiz Sampel Minimum dengan Menggunakan Perisian G-power
- D Senarai Pakar
- E Contoh Surat Perlantikan Pakar
- F Protokol Temu Bual
- G Set Soal Selidik (Graduan)
- H Kesahan Muka/Keseluruhan menggunakan Julat Antara Kuartil (JAK)
- I Contoh Borang Pengesahan Pakar
- J Normaliti *Multivariate*
- K Analisis PLS-SEM (model pengukuran reflektif)
- L Analisis PLS-SEM (model pengukuran formatif)
- M Analisis PLS-SEM (model struktur)
- N Analisis PLS-SEM (moderator)

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Modal insan merupakan sumber yang paling penting dalam pembangunan negara. Kemajuan atau kemunduran sesebuah negara bergantung sepenuhnya kepada kekuatan dan kehebatan nilai, kompetensi dan kemahiran kebolehpasaran (Mohd Haridi, Mat@Muhammad, & Mohd Salleh, 2017). Pelbagai dasar telah bersilih ganti secara berperingkat bertujuan untuk memperkasa pembangunan modal insan bermula dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) (Ali, Ahmad, Ahmad, & Ali, 2009) dan kini Dasar Transformasi Nasional (DTN).

Pembangunan modal insan amat ditekankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9, 2006) dan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11, 2015). Kesedaran ini mencetuskan usaha Malaysia dalam mewujudkan 1.5



juta peluang pekerjaan melalui RMK-11. Dalam menuju negara maju, Malaysia memerlukan lebih ramai pekerja yang berkemahiran tinggi. RMK-11 (2015) menyasarkan 35% tenaga kerja kemahiran dan vokasional diwujudkan pada tahun 2020 berbanding 25% pada peringkat ini. Oleh itu, Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (PLTV) diperkasakan untuk memenuhi keperluan ini. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah 1 bilion ringgit kepada Tabung Pembangunan Kemahiran berbanding 500 juta ringgit pada tempoh rancangan yang lalu (RMK-11, 2015).

Kini Malaysia sedang menuju ke arah revolusi industri 4.0 iaitu trend semasa yang melibatkan aspek automasi dan data digital dalam teknologi pembuatan. Kerajaan telah menggariskan lima bidang pemangkin merangkumi analitik data raya, pengkomputeran awan, eDagang, *Internet of Things* dan *artificial intelligence* (Laporan Kewangan, 2017/2018). Industri swasta dengan kerjasama kerajaan dalam program latihan Kecemerlangan Latihan *Knowledgecom* (CoET) untuk melatih rakyat Malaysia mengenai pelaksanaan trend ini.

Transformasi tenaga kerja revolusi industri 4.0 dijangkakan dapat menamatkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing malah mewujudkan pelantar khusus untuk pekerja tempatan dalam mempertingkatkan kemahiran masing-masing (Utusan Borneo Sarawak, 2017). Justeru, lebih banyak peluang pekerjaan akan diwujudkan bagi mencapai hasrat ini. Orang kurang upaya (OKU) terutamanya golongan bermasalah pendengaran merupakan sebahagian daripada sumber modal insan negara yang turut menggembleng bersama bagi menyumbang tenaga menuju ke arah revolusi industri 4.0. Kecacatan fizikal bukanlah satu halangan untuk berjaya malah golongan





masalah pendengaran harus mempunyai kudrat tenaga dan berkemampuan berfikir untuk mengharungi revolusi industri ini.

Jika dilihat dari aspek isu kerjaya OKU seperti keperluan kemahiran, skop peluang pekerjaan yang terhad dan kesediaan mental OKU tidak pernah ada penghujungnya. Menurut Mohamad Zamri dan Ahmad (2017), kebolehpasaran OKU dipengaruhi oleh kekurangan kemahiran generik yang dikehendaki oleh majikan. Oleh itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh banyak pihak bagi membantu membanteras isu ini, antaranya Program Sokongan Pekerjaan kepada OKU (*Job Coach*) yang diperkenalkan bermula tahun 2013. Program ini telah meningkatkan penyertaan OKU dalam pasaran kerja terbuka di samping memastikan pengekalan dalam pekerjaan dalam kalangan mereka (JTKSM, 2013). Program ini terbukti berjaya membantu 685 OKU ditempatkan dalam pekerjaan sepanjang tempoh 2013 hingga 2015. Namun begitu, bilangan peluang pekerjaan sedia ada masih tidak mencukupi untuk menampung jumlah pengangguran dalam kalangan OKU.

1.2 Latar Belakang Masalah

Setiap insan di dunia ini mempunyai hak untuk mendapatkan peluang pendidikan dan pekerjaan, begitu juga dengan OKU tidak kira kategori kurang upaya yang dimilikinya. OKU boleh dikategorikan kepada ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran dan mana-mana kombinasi ketidakupayaan (Peraturan-peraturan Pendidikan - Pendidikan Khas, 2013). Golongan ini memerlukan pendidikan untuk





menjanjikan masa depan dalam pasaran kerja. Menurut bekas Pengarah Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), Shazali Ahmad menjelaskan bahawa pendidikan yang diberikan kepada OKU adalah dengan harapan mereka dapat meneruskan kehidupan tanpa bergantung kepada ibu bapa atau penjaga mereka selepas mula menempuh alam pekerjaan supaya mereka lebih berdaya saing dan berinovasi (Utusan Online, 2016).

Pendidikan bagi golongan masalah pendengaran bermula sejak tahun 1954 iaitu dengan penubuhan kelas pendidikan khas di Jalan Northam, Pulau Pinang. Pada tahun yang sama, Sekolah Kanak-kanak Pekak Persekutuan (Rendah dan Menengah) juga ditubuhkan di Tanjung Bunga, Pulau Pinang. Pendidikan khas vokasional yang memfokuskan kepada kemahiran latihan kerjaya telah bermula pada tahun 1987 dengan penubuhan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), Shah Alam (Bari, Mohd Yasin, & Mohd Yusof, 2013). Usaha ini menunjukkan bahawa kerajaan menyedari kepentingan latihan kerjaya bagi meletakkan golongan bermasalah pendengaran dalam pasaran kerja. Ini selaras dengan pendapat Engr Amaechi, Orlu, Obed, dan Thomas (2017) yang menyatakan bahawa pendidikan teknik dan vokasional berperanan sebagai agen perubahan dalam mengatasi masalah pengangguran dan kemiskinan.

Peralihan murid berkeperluan khas (MBK) bermasalah pendengaran di Malaysia dilaksanakan menerusi program pendidikan teknik dan vokasional yang memberi tumpuan kepada kemahiran generik untuk memasuki alam pekerjaan dan komuniti setempat (Mohd Yusof, Mohd Yasin, Hashim, & Awang Itam, 2017). Kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan pendidikan vokasional dan kemahiran di empat buah SMPKV iaitu di Shah Alam, Selangor; Indahpura Kulai,





Johor; Kuantan, Pahang dan Merbok, Kedah serta Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan, Pulau Pinang.

MBK bermasalah pendengaran yang tamat persekolahan boleh memilih untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu politeknik (Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak; Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor; Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor; Politeknik Kota Kinabalu, Sabah; Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis) dan kolej komuniti (Kolej Komuniti Selayang, Selangor). Secara langsung, ia dapat merealisasikan pembelajaran aliran kemahiran diperluas sejajar dengan agenda pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (PLTV).



memperkemarkan lagi pendidikan khas bagi menjamin kebolehpasaran kerjaya MBK (Utusan Online, 2016). Pencapaian prestasi MBK khususnya di SMPKV amat memberangsangkan iaitu 964 pelajar telah berjaya tamat pengajian dalam pelbagai aliran kemahiran dari tahun 2010 sehingga 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 96.58% MBK telah memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan 2.84% mendapat penyata pencapaian atau berjaya menyelesaikan sebahagian kursus. Berdasarkan pencapaian MBK bermasalah pendengaran, boleh dirumuskan bahawa lepasan SMPKV telah dilengkapi asas kemahiran sebagai syarat minimum untuk mendapatkan pekerjaan yang berkaitan dengan kemahiran yang dipelajari.





Walau bagaimanapun, berdasarkan Statistik Pekerjaan dan Perburuhan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017), bilangan penganggur dan kadar pengangguran di Malaysia masing-masing mencatatkan peningkatan dari tahun 2014 iaitu 411,100 orang penganggur dengan kadar 2.9%, pada suku tahun keempat 2015 sebanyak 472,300 orang penganggur dengan kadar 3.2% dan 510,800 orang penganggur dengan kadar 3.5% pengangguran pada suku tahun keempat 2016.

Statistik Utama Tenaga Buruh Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018) mencatatkan kadar pengangguran menurun kepada kadar 3.3% dengan bilangan penganggur 505,800 orang pada Disember 2017. Pada Januari 2018, kadar pengangguran meningkat kepada 3.4% dengan bilangan penganggur mencecah 516,500 orang. Pada Februari 2020, iaitu sebelum penularan wabak Covid-19 yang masih tidak memberi kesan kepada kadar pengangguran di Malaysia, kadar pengangguran mencatatkan 3.3% dengan bilangan penganggur seramai 525,200 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Walaupun kadar pengangguran menunjukkan sedikit penurunan, tetapi bilangan penganggur tetap meningkat dari tahun ke tahun. Bilangan penganggur yang paling menonjol adalah kumpulan umur 20-24 tahun iaitu 37.7% daripada keseluruhan penganggur (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016).

Isu pengangguran seolah-olah tiada noktah pengakhiran, malah ia juga melibatkan individu OKU. Pandangan serong majikan dan tahap penerimaan sektor swasta yang rendah atau kurang memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU (Rosli, Wan Mahmud, & Haizan Mahbob, 2017; Rosli, Ahmad Sabri, Abdul Wahab, & Zakaria, 2015) menyebabkan ramai graduan OKU masih lagi menganggur (Ang Ramayah & Amin, 2015; Samian, Md Ali, & Buntat, 2013). Oleh yang demikian, bekas



pengarah BPKhas iaitu Shazali Ahmad berharap pihak industri atau swasta boleh memberi peluang pekerjaan yang sesuai kepada OKU agar selaras dengan kemahiran yang telah dipelajari (Utusan Online, 2016). Pihak majikan swasta harus percaya bahawa OKU juga boleh memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi organisasinya. Tambahan lagi, kerajaan Malaysia akan memberi insentif pelepasan cukai kepada organisasi yang mengambil OKU sebagai pekerja (RMK-10, 2010).

Oleh kerana pengalaman diskriminasi yang dialami, segelintir OKU telah mengambil inisiatif memulakan perniagaan atau keusahawanan sendiri secara kecil-kecilan. OKU yang terbukti jayanya dalam keusahawanan akan merencanakan ekonomi serta membuka peluang pekerjaan kepada OKU lain. Ini selaras dengan pendapat Alumni Universiti Sains Malaysia yang menyeru universiti menganjurkan lebih banyak program keusahawanan kepada pelajar sebagai pendedahan awal untuk menggalakkan lebih ramai pelajar menjadi bakal usahawan seterusnya mengurangkan masalah pengangguran (Ahmad Bustamam, Abdul Mutalib, & Mohd Yusof, 2015).

Ang (2012) menyatakan bahawa salah satu sebab OKU tidak diberi peluang bekerja ialah kekurangan pendidikan dan kemahiran yang diperlukan dalam pasaran kerja. Justeru, BPKhas di bawah KPM telah memberi penekanan PLTV kepada MBK supaya mereka dapat bekerja seperti individu bukan OKU dan berdikari selepas tamat pengajian nanti. Bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan menggalakkan penempatan OKU dalam pasaran kerja, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Kementerian Sumber Manusia telah memberi bantuan dan nasihat melalui Sistem Penempatan OKU (SPOKU) bagi membolehkan padanan pekerjaan dibuat antara calon OKU dengan jawatan yang sesuai di sektor swasta. Inisiatif ini membantu pengawasan

berterusan untuk memastikan calon OKU dapat kekal dalam pekerjaan itu (Jobsmalaysia, 2018).

Selain SPOKU, JTKSM juga telah menyediakan laman sesawang jobsmalaysia kepada OKU yang ingin mencari pekerjaan atau majikan yang ingin menawarkan pekerjaan kepada OKU bagi memastikan golongan OKU tidak ketinggalan dalam mendapatkan pekerjaan. Meskipun banyak usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), namun cabaran yang paling besar dihadapi oleh golongan OKU di Malaysia hari ini masih adalah mendapatkan peluang pekerjaan dan kekal dalam pekerjaan (Rosli et al., 2015).

Berdasarkan anggaran daripada Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), 10% daripada penduduk sesebuah negara adalah terdiri daripada OKU. Lanjutan daripada statistik ini, Malaysia yang mempunyai populasi rakyat 32.73 juta penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020) boleh dianggarkan 3.273 juta adalah golongan OKU. Walau bagaimanapun, hanya 497,390 OKU telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga 2018, antaranya 44,523 merupakan golongan bermasalah pendengaran (Laporan Statistik, Jabatan Kebajikan Malaysia, 2018). Daripada jumlah keseluruhan OKU yang didaftarkan, hanya 4147 OKU berjaya mendapat pekerjaan dan ditempatkan di pelbagai sektor pekerjaan. Daripada jumlah itu pula, 3741 orang direkodkan sedang berkhidmat di sektor awam. Ini menunjukkan hanya 406 OKU sahaja yang dapat menempuh alam pekerjaan dalam sektor swasta. Berdasarkan statistik ini juga boleh dikatakan bilangan pekerja OKU sama ada dalam sektor awam atau swasta masih belum mencapai sasaran dasar 1% penglibatan OKU dalam sektor pekerjaan.



Daripada sorotan kajian-kajian lepas, didapati masalah pengangguran di Malaysia berlaku bukan sahaja disebabkan oleh kekurangan kekosongan dalam sesuatu pekerjaan semata-mata, ia adalah disebabkan oleh faktor-faktor penyumbang kebolehpasaran graduan itu sendiri. Antaranya ialah kekurangan kemahiran teknikal, pengambilan pekerja asing dan terlalu menginginkan pekerjaan kolar putih daripada pekerjaan kolar biru (Okwelle & Wordu, 2016), lemah dalam kemahiran generik, jangkauan majikan yang terlalu tinggi terhadap graduan, ketidaksepadanan kerja (Hanapi, 2015) dan keadaan ekonomi negara yang tidak stabil (Ismail, Yussof, & Lai, 2011) seperti mana yang dialami oleh seluruh dunia sekarang akibat penularan wabak Covid-19.

Dalam memilih pekerja, majikan mengutamakan kualiti graduan yang sesuai dengan kehendak industri. Ini selaras dengan pandangan Ahmad, Ali, & Hamzah (2011), faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan adalah berbeza-beza, antaranya ialah bidang ilmu yang dipelajari, pencapaian akademik, kemahiran generik dan faktor peribadi. Oleh itu, golongan OKU perlu lebih bersedia menerima cabaran bukan sahaja perlu menguasai sesuatu kemahiran dalam bidang kerjaya yang ingin diceburi, malah perlu sentiasa meningkatkan kualiti dan imej diri, menunjukkan sikap bertanggungjawab serta tidak mudah terasa atau tersinggung perasaan (Hamid, 2012).

OKU bermasalah pendengaran beraspirasi tinggi cenderung mencapai kejayaan sekiranya diberi kebebasan memilih tanpa mengambil kira halangan yang bakal dihadapi (Hamid, 2012). Realitinya, kebanyakan graduan yang keluar dari institusi pengajian tinggi (IPT) masih tidak dapat memenuhi jangkauan prestasi yang dikehendaki



oleh majikan industri terutamanya dari aspek kemahiran generik (Yusof, Jamaluddin, & Mat Lazim, 2013; Ismail, 2012). Majikan mengkritik graduan Malaysia lemah dari segi kemahiran generik seperti kemahiran komunikasi dan penguasaan Bahasa Inggeris. Lebih-lebih lagi, golongan OKU bermasalah pendengaran yang berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat atau komunikasi seluruh menjadi halangan terbesar mereka dalam mendapatkan pekerjaan.

Selain daripada kemahiran komunikasi, Ab Halim, Bakar, Hamzah dan Mat Rashid (2013) telah menyusun kemahiran generik yang harus dimiliki mengikut keutamaan iaitu kualiti peribadi, kemahiran asas, kemahiran interpersonal, kemahiran sumber, kemahiran berfikir, kemahiran maklumat, kemahiran sistem dan kemahiran teknologi. Mereka juga mendapati bahawa majikan lebih mengambil berat kemahiran asas pekerja bermasalah pendengaran daripada pekerja bukan OKU. Oleh itu, OKU bermasalah pendengaran perlu lebih menguasai kemahiran asas ini bagi membolehkan mereka bertanding dengan pekerja bukan OKU dalam pasaran kerja.

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh *The JobStreet.com* (2016) mengenai persepsi majikan terhadap graduan baharu mendapati bahawa majikan pada zaman revolusi industri 4.0 lebih menitikberatkan kualiti peribadi pekerja yang baik (51%) berbanding kelayakan akademik yang dimiliki (14%). Menurut majikan, kemahiran dan kelayakan akademik boleh diperolehi selepas bekerja, tetapi pekerja yang mempunyai sikap yang baik, positif dan sentiasa bekerjasama sukar diperolehi. Lima kemahiran utama yang disenaraikan adalah kepimpinan, kemahiran teknikal, mampu melakukan pelbagai tugas pada satu masa yang sama (*multi-tasking*), kemahiran komunikasi dan kemahiran interpersonal. Sehubungan itu, majikan akan

mengambil pekerja yang mempunyai pengalaman dalam memegang jawatan pemimpin semasa di institusi pengajian. Pekerja yang boleh dipercayai, bersikap positif, berdikari dan rajin juga menjadi pilihan majikan pada masa kini.

Yusof et al. (2013) juga mempunyai pandangan yang sama mengenai kebolehpasaran graduan iaitu wujud ketidakselarasan di antara kualiti graduan dengan keperluan pasaran buruh khususnya dari segi kemahiran generik dan pengetahuan yang dimiliki oleh graduan di Malaysia. Namun begitu, siswazah Malaysia mempunyai aras keyakinan yang agak tinggi dalam memperoleh pekerjaan apabila tamat pengajian nanti dan mengaku bahawa mereka telah dilengkapi dengan kemahiran generik yang membolehkan mereka berjaya dalam kerjayanya. Terdapat segelintir siswazah yang merasa sangat bangga dengan kebolehan diri tanpa mengkaji keperluan semasa dalam dunia pekerjaan. Begitu juga dengan graduan OKU. Oleh yang demikian, mereka sukar kekal dalam suatu pekerjaan dan kurang mempunyai peluang kenaikan pangkat (Hernandez et al., 2008) kerana tidak mencapai permintaan yang dikehendaki oleh majikan industri.

Hujah-hujah di atas terbukti hasil tinjauan awal yang dijalankan oleh Hanapi, Yong, Safie, dan Tee (2018). Kajian mendapati kebolehpasaran graduan bermasalah pendengaran berada pada tahap kurang memuaskan. Mereka didapati sukar berada kekal dalam sesuatu pekerjaan dan kurang diberi peluang kenaikan pangkat kerana gagal memenuhi keperluan minimum majikan. Selain lemah dalam kemahiran generik, majikan juga menyatakan rasa tidak puas hati mereka terhadap keperibadian seseorang graduan bermasalah pendengaran terutamanya dari segi sikap dan pengurusan emosi. Oleh itu, adalah menjadi satu keperluan untuk melihat dengan lebih mendalam

berkaitan kebolehpasaran graduan OKU bermasalah pendengaran kerana mereka juga merupakan sumber tenaga kerja yang penting kepada negara.

1.3 Penyataan Masalah

Kebolehpasaran diukur melalui kejayaan seseorang dalam kerjayanya seperti mendapat pekerjaan dalam tempoh masa enam bulan selepas tamat pengajian, berpuas hati dengan pekerjaan, berpeluang kenaikan pangkat (Rothwell & Arnold, 2007), kekal dalam pekerjaan (Fugate, Kinicki, & Ashforth, 2004) dan berupaya beralih dari satu persekitaran ke satu persekitaran kerja yang lain dalam menuju ke arah mencapai kualiti hidup yang lebih baik (Samuel & Ramayah, 2016). Graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (PLTV) bermasalah pendengaran harus juga mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi dalam usaha menempuh kerjaya.

Namun begitu, literatur melaporkan terdapat masalah kebolehpasaran (Rosli et al., 2017; Mohamad Zamri & Ahmad, 2017; Rosli et al., 2015; Ang, 2012; Uijl & Bahlmann, 2000; Thompson, 1994) dan peratus pengangguran yang tinggi dalam kalangan OKU (Ang et al., 2015; Samian et al., 2013; Zheng & Kleiner, 2001). Seterusnya meningkatkan kadar kemiskinan dan menjejaskan kualiti hidup graduan bermasalah pendengaran.

Berdasarkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan (2018), didapati sebanyak 25.1% graduan OKU tidak bekerja. Ini menunjukkan masih terdapat jurang yang amat besar antaranya dengan kadar pengangguran di Malaysia iaitu sebanyak 3.4% sahaja



pada tahun yang sama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Graduan OKU memaklumkan bahawa mereka kurang diberi peluang pekerjaan yang sesuai, tidak bersedia dari segi psikologi dan kurang berkeyakinan diri untuk memasuki alam pekerjaan. Selain itu, laporan juga menggariskan 17% graduan OKU mengalami diskriminasi, 15% mempunyai masalah komunikasi dan sebagainya (Laporan Kajian Pengesanan Graduan, 2016).

Banyak usaha telah diperkenalkan untuk membantu OKU mendapatkan pekerjaan seperti *Job Coach*, SPOKU (JTKM, 2009), laman sesawang [jobsmalaysia](#), insentif pelepasan cukai kepada majikan swasta yang merekrut OKU (RMK-10, 2010) dan lain-lain lagi. Namun, tahap penerimaan majikan yang rendah (Rosli et al., 2017) menyebabkan ramai graduan OKU masih lagi menganggur (Ang et al., 2015) dan diskriminasi masih berlaku dalam kalangan OKU (Uijl & Bahlmann, 2000; Thompson, 1994). Ini bercanggah dengan dapatan kajian Samian et al. (2013) yang menyatakan majikan memberi persepsi positif terhadap pekerja OKU.

Kekurangan kemahiran kebolehpasaran yang diperlukan dalam pasaran kerja merupakan salah satu sebab OKU tidak diberi peluang bekerja (Mohamad Zamri & Ahmad, 2017; Ang, 2012). Tambahan lagi, majikan melihat kecacatan dan kekurangan OKU sebagai alasan tidak memberi peluang pekerjaan. Kecacatan fizikal yang dialami oleh OKU menyebabkan mereka berasa rendah diri dan tidak suka bergaul dengan orang lain (Ab Halim, 2013). Ini menjurus kepada perkembangan kerjaya golongan ini yang amat tidak memuaskan (Ab Halim & Bakar, 2010). Oleh itu, golongan OKU bermasalah pendengaran harus dilatih dari segi kemahiran generik dan penilaian sendiri



supaya dapat memenuhi keperluan pekerjaan pelbagai sektor sekali gus mengimbangi pengalaman diskriminasi yang dialami.

Kebanyakan kajian-kajian lepas menjurus kepada pencarian masalah kebolehpasaran tetapi kurang memberi fokus kepada penyelesaian masalah (Strindlund, Abrandt-Dahlgren, & Stahl, 2019; Spirito Dalgin & Bellini, 2008; Burke et al., 2013; Tiun & Khoo, 2011). PLTV berkait rapat dengan pendidikan khas. Ramai graduan boleh melakukan pelbagai pekerjaan dalam bidang teknikal dan vokasional jika mereka dilatih dengan baik. Justeru itu, kajian ini adalah perlu untuk melihat dengan lebih mendalam dan menyeluruh mengenai kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran dalam situasi sebenar di tempat kerja dan memberi cadangan penyelesaian melalui pembentukan model kemahiran generik ke arah mempertingkatkan kebolehpasaran graduan yang lebih spesifik dengan mengambil kira penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi graduan PLTV bermasalah pendengaran.

Model ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada graduan PLTV bermasalah pendengaran dalam usaha menempuh kerjaya sesuai dengan kehendak industri dan bukan sebaliknya. Model ini juga dijadikan asas dalam merangka dasar baharu, penambahbaikan kurikulum dan mereka bentuk program bersama industri. Kemahiran yang sesuai mungkin berubah mengikut zaman dan kehendak semasa di industri. Oleh itu, kerjasama dengan industri adalah perlu supaya kehendak industri sentiasa dikemaskini dan dipraktikkan. Dengan itu, graduan tidak ketinggalan dalam memenuhi kehendak industri setelah tamat penagajian.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menentukan faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran.
- ii. Menentukan subkonstruk kemahiran generik bagi graduan PLTV bermasalah pendengaran.
- iii. Menentukan tahap kemahiran generik, penilaian sendiri, pengalaman diskriminasi dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran berdasarkan persepsi graduan dan majikan.
- iv. Menentukan perbezaan persepsi terhadap kemahiran generik yang dikuasai dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran di antara majikan dan graduan.
- v. Mengkaji hubungan antara kemahiran generik, penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi dengan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran.
- vi. Mengkaji kesan moderator penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi ke atas hubungan antara kemahiran generik dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran.
- vii. Menentukan model akhir kemahiran generik ke arah mempertingkatkan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian telah digubal supaya objektif kajian dapat dicapai dengan jayanya, seperti berikut:

- i. Apakah faktor yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran?
- ii. Apakah subkonstruk kemahiran generik bagi graduan PLTV bermasalah pendengaran?
- iii. Apakah tahap kemahiran generik, penilaian sendiri, pengalaman diskriminasi dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran berdasarkan persepsi graduan dan majikan?
- iv. Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap kemahiran generik yang dikuasai dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran di antara majikan dan graduan?
- v. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran generik, penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi dengan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran?
- vi. Bagaimanakah moderator penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi memberi kesan ke atas hubungan antara kemahiran generik dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran?
- vii. Apakah model akhir kemahiran generik ke arah mempertingkatkan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran?

1.6 Hipotesis Kajian

Untuk menjawab objektif kajian keempat, kelima dan keenam, hipotesis kajian dibentuk seperti di bawah:

H1: Terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kemahiran generik yang dikuasai oleh graduan PLTV bermasalah pendengaran di antara majikan dan graduan.

H2: Terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran di antara majikan dan graduan.

H3: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara kemahiran generik dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran.

H4: Terdapat hubungan positif yang signifikan di antara penilaian sendiri dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran.

H5: Terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara pengalaman diskriminasi dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran.

H6: Hubungan positif antara kemahiran generik dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran akan menjadi semakin kuat apabila penilaian sendiri meningkat.

H7: Hubungan positif antara kemahiran generik dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran akan menjadi semakin kuat apabila pengalaman diskriminasi menurun.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini telah dirangka hasil rujukan beberapa teori dan model yang berkait rapat dengan tujuan kajian ini, antaranya ialah Teori Modal Insan, Teori Kognitif Sosial, Model *The Key to Employability* dan Model Sosial Ketidakupayaan sebagai dasar pembentukan kerangka konseptual kajian ini seperti dalam Rajah 1.1. Setelah membuat penelitian teori, model dan pelbagai sumber literatur, didapati konstruk kemahiran generik, penilaian sendiri, pengalaman diskriminasi dan kebolehpasaran adalah saling berhubung kait.

Gabungan keempat-empat konstruk yang disebutkan di atas mampu menjelaskan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran bukan sahaja dipengaruhi secara langsung dari kemahiran generik yang dikehendaki dalam industri, malah ia juga dipengaruhi oleh faktor dalaman diri graduan PLTV bermasalah pendengaran iaitu penilaian sendiri dan faktor luaran yang dialami iaitu pengalaman diskriminasi yang mengganggu perkembangan kerjaya.

Dengan adanya kemahiran-kemahiran generik yang diperoleh dalam kehidupan dan institusi pengajian, ditambah dengan penilaian sendiri yang positif dan penghapusan diskriminasi di tempat kerja, graduan bermasalah pendengaran mampu menjadi pekerja yang berjaya, taat dan sentiasa berusaha tanpa menimbulkan masalah kepada organisasi seperti yang dibincangkan dalam Teori Modal Insan. Persepsi satu pihak sahaja tidak dapat membuktikan kebenarannya. Kajian ini juga mengambil kira persepsi graduan PLTV bermasalah pendengaran dan majikan kepada graduan. Maka,



dua hipotesis H1 dan H2 dibentuk bagi membandingkan persepsi antara kedua-dua kumpulan ini.


Dalam Teori Modal Insan, seseorang individu tidak dapat dipisahkan daripada pengetahuan, kemahiran, kesihatan mahupun nilai. Kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam pekerjaan dikaji melalui subkonstruk kemahiran generik. Terdapat enam subkonstruk kemahiran generik yang dikehendaki oleh majikan iaitu (1) kemahiran bahasa; (2) kemahiran berfikir; (3) kualiti peribadi; (4) pengurusan maklumat; (5) kemahiran komunikasi dan (6) kemahiran interpersonal. Kemahiran generik merupakan pemboleh ubah tidak bersandar (IV) dalam kajian ini. Kesihatan merujuk kepada masalah pendengaran graduan dan nilai mengambil kira sifat dalaman graduan. Pemboleh ubah bersandar (DV) dalam kajian ini ialah kebolehpasaran. Kebolehpasaran mengambil kira faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi seseorang mendapatkan pekerjaan, berada kekal dalam pekerjaan dan memajukan diri dalam kerjayanya. IV mempengaruhi DV secara langsung.

Teori kognitif sosial menekankan kebolehan simbolik individu dalam memahami persekitaran mereka berdasarkan tanggapan dan layanan orang di sekeliling, membentuk fikiran reflektif tentang pencapaian diri. Pemahaman ini akan menjurus kepada tingkah laku menyelesaikan masalah secara kognitif dan menentukan jangkaan hasil kerjaya. Pemahaman terhadap diri dan kerjaya graduan PLTV bermasalah pendengaran dalam konteks kajian ini diukur dengan penilaian sendiri seperti estim sendiri, efikasi sendiri, kecerdasan emosi dan lokus kawalan. Layanan orang lain dalam konteks kajian ini adalah pengalaman diskriminasi yang dialami di tempat kerja.



Kemahiran generik, penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi merupakan peramal dalam membentuk model kajian ini. Setelah mendapat pandangan pakar dalam bidang PLTV dan pendidikan khas, konstruk penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi juga diuji sebagai moderator (MV) dalam PLS-SEM. MV adalah pemboleh ubah yang mempengaruhi kekuatan hubungan antara IV dan DV. MV digunakan untuk menentukan sama ada kehadirannya memberi kesan ke atas hubungan antara IV dan DV. Maka, hubungan antara IV dan DV menjadi semakin lemah atau semakin kuat dengan MV yang wujud. Maka, lima hipotesis (H3, H4, H5, H6 dan H7) dibentuk berdasarkan pemboleh ubah ini dan dinilai melalui analisis model persamaan berstruktur (SEM).

Akhirnya, satu model kemahiran generik ke arah mempertingkatkan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran dibangunkan melalui PLS-SEM seperti dalam Rajah 1.1. Model ini menyediakan kerangka bimbingan kepada golongan bermasalah pendengaran yang berada di dalam pasaran kerja yang mencabar. Golongan bermasalah pendengaran perlu mempunyai kesedaran diri tentang siapakah diri mereka, apakah masa depan yang diharapkan, apakah peluang yang wujud untuk mereka, dan akhirnya membantu menjurus kepada membuat keputusan yang sewajarnya (Dacre Pool, 2016).



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Model ini boleh diguna pakai dalam kurikulum pendidikan khas bermasalah pendengaran dan mana-mana pihak berkepentingan yang dibincangkan di bawah.

1.8 Kepentingan Kajian

Setiap insan di dunia ini mempunyai hak untuk mendapat pendidikan dan pekerjaan, begitu juga dengan golongan OKU. Sehingga kini, hak golongan OKU tidak pernah henti diperjuangkan di mata dunia. Keperluan dan hak golongan OKU bukan sahaja perlu diberi perhatian oleh mereka yang terlibat secara langsung, malah juga oleh setiap lapisan masyarakat. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memberi pendedahan kepada semua pihak dan membawa masyarakat mendekati dunia golongan OKU bermasalah pendengaran khususnya dalam menempuh alam pekerjaan. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada semua pihak supaya lebih peka dengan keadaan yang dihadapi oleh golongan bermasalah pendengaran dan cuba mencari penyelesaian terhadapnya.

1.8.1 Masyarakat

Kajian ini mengharapkan supaya masyarakat dapat membuka minda dengan menukar tanggapan yang tidak baik terhadap golongan bermasalah pendengaran. Hal ini kerana mereka hanya kehilangan keupayaan dari segi pendengaran tetapi masih mempunyai daya kognitif yang sama seperti individu bukan OKU. Dalam menghayati hal ini, keunikan boleh dilihat apabila masyarakat mula menaruh minat untuk mempelajari bahasa isyarat bagi memudahkan komunikasi dengan golongan bermasalah pendengaran. Tidak dapat dinafikan bahawa golongan OKU bermasalah pendengaran

menganggap bahasa isyarat sebagai bahasa ibunda mereka, namun perkara ini tidak menjadi halangan kepada mereka untuk berinteraksi dengan dunia luar kerana mereka masih mampu mengenal perkataan atau morfologi dalam penulisan. Tambahan pula, sesetengah individu bermasalah pendengaran boleh membaca pergerakan bibir. Oleh yang demikian, prinsip saling memahami perlu dipupuk agar golongan ini mempunyai hak kesaksamaan seperti setiap insan yang lain.

1.8.2 Majikan

Hasil dapatan kajian ini juga menyumbang maklumat kepada majikan yang bakal merekrut golongan bermasalah pendengaran sebagai pekerja. Maklumat yang dimaksudkan adalah mengenai cabaran yang dihadapi oleh golongan bermasalah pendengaran dalam menceburi dalam alam pekerjaan. Majikan akan lebih fokus kepada kebolehan dan kemampuan individu bermasalah pendengaran yang dapat menyumbang kepada organisasi bukannya ketidakupayaan yang dimilikinya. Majikan boleh mewujudkan suasana masyarakat penyayang dalam organisasinya sekali gus mencungkil bakat pekerja bermasalah pendengaran yang selama ini masih terpendam kerana tidak diberi peluang untuk menonjolkan diri.

1.8.3 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) supaya meneliti model yang dibangunkan lalu mencadangkan dasar baharu kepada kerajaan bagi menjamin penyertaan penuh OKU bermasalah pendengaran dalam

masyarakat. Maklumat dapatan kajian juga boleh digunakan oleh JKM dalam membantu individu bermasalah pendengaran mencari dan mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan sifat peribadinya supaya mereka boleh kekal dalam pekerjaan yang diceburi dan berjaya dalam kerjaya. Usaha ini perlu dijalankan bermula dari sekolah menengah lagi supaya tiada antaranya yang tercicir. Seorang pegawai perlu dilantik untuk membantu mereka dari sekolah sehingga berjaya kekal dalam pekerjaan dari segi memberi motivasi dan memberi khidmat nasihat yang berguna.

1.8.4 Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)

Kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) dengan kerjasama Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) dalam menambah baik kurikulum sedia ada atau merangka program dari sekolah ke industri agar memenuhi kehendak pasaran semasa. Kurikulum atau program yang dicadangkan haruslah merangkumi semua ciri cabaran yang dibincangkan, iaitu subkonstruk kemahiran generik, penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi yang menjadi keperluan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran. Hal ini dapat memberi pendedahan awal atau simulasi kepada graduan PLTV bermasalah pendengaran sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Sekiranya semua graduan berjaya ditawarkan pekerjaan dan kekal dalam pekerjaan, maka sekali gus membantu mengurangkan peratusan pengangguran, kemiskinan dan secara tidak langsung membantu dalam pembangunan ekonomi negara.

1.8.5 Golongan Bermasalah Pendengaran

Kajian ini mengkaji kebolehpasaran golongan bermasalah pendengaran dalam menempuh alam pekerjaan. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa kajian ini memberi kepentingan kepada golongan bermasalah pendengaran. Kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada individu bermasalah pendengaran dalam usaha mendapatkan pekerjaan dan kekal dalam pekerjaan yang diceburi. Golongan bermasalah pendengaran harus mempertingkatkan lagi kompetensi dan kemahiran yang dikehendaki oleh majikan supaya lebih berdaya saing dan berketrampilan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Selain kemahiran yang ditekankan dalam kajian ini, golongan ini juga harus mempertingkatkan penilaian sendiri supaya bersedia dari segi mental dan emosi untuk mengharungi segala cabaran yang bakal dihadapi.

1.9 Batasan Kajian

Beberapa batasan kajian telah dikenal pasti. Kajian ini hanya melibatkan graduan novis bermasalah pendengaran yang telah tamat pengajian dari politeknik dan kolej komuniti sijil kemahiran khas serta mempunyai pengalaman bekerja kurang dari lima tahun. Graduan OKU kategori lain tidak dikaji. Graduan OKU dalam aliran lain juga tidak diambil sebagai responden kajian. Secara khususnya, hasil dapatan kajian nanti tidak dapat digeneralisasikan kepada graduan aliran pengajian lain.

Rasional kajian bergantung pada para graduan kerana isu kebolehpasaran graduan ini berlaku ke atas graduan yang baru memasuki alam pekerjaan. Pengkaji berpendapat bahawa graduan yang sedang mengalami kesulitan ini sahajalah yang dapat memberi data yang relevan dalam kajian ini. Tambahan lagi, mengkaji pelajar yang masih menuntut tidak dapat menggambarkan situasi yang sebenar kerana mereka belum didedahkan sepenuhnya dalam alam pekerjaan. Dengan yang demikian, data yang diperoleh seperti ini hanya sebagai satu andaian awal.

Kajian ini memberi penekanan kepada konstruk dan subkonstruk yang diperoleh melalui teknik traingulasi iaitu kajian literatur, temu bual dan soal selidik pakar. Kemudian, membina item soal selidik menggunakan bahasa isyarat. Selain kemahiran generik iaitu kemahiran bahasa, kemahiran berfikir, kualiti peribadi, pengurusan maklumat, kemahiran komunikasi dan kemahiran interpersonal, penekanan juga diberi ke atas kesan penilaian sendiri dan pengalaman diskriminasi dalam hubungan antara kemahiran generik dan kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran.

Data yang dikutip dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif (kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai), analisis inferensi (ujian *Mann-Whitney*) dan analisis regresi (PLS-SEM). Kajian ini membuat andaian bahawa semua responden telah menunjukkan integriti yang tinggi dan jujur dalam memberi respon kepada semua soalan yang diberikan. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini juga diandaikan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta boleh digeneralisasikan kepada semua graduan PLTV bermasalah pendengaran.

1.10 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa istilah atau rangkai kata tertentu yang membawa makna khusus berdasarkan konteks kajian ini. Justeru, bagi mengelakkan kekeliruan pemahaman oleh pembaca dari pelbagai lapisan, istilah-istilah ini didefinisikan seperti berikut:

1.10.1 Orang Kurang Upaya (OKU)

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya (2008), OKU merujuk kepada individu atau golongan yang mempunyai kecacatan kekal atau jangka masa panjang secara fizikal, mental, intelektual atau pancaindera dan mengakibatkan ketidakupayaan berinteraksi dengan pelbagai penyekatan dari segi sikap dan persekitaran lalu menghalang penglibatan sepenuhnya dalam masyarakat secara efektif. OKU dikategorikan kepada ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran dan mana-mana kombinasi ketidakupayaan (Peraturan-peraturan Pendidikan - Pendidikan Khas, 2013). Kajian ini melibatkan golongan OKU yang mengalami masalah pendengaran.

1.10.2 Graduan Bermasalah Pendengaran

OKU bermasalah pendengaran ialah golongan yang mengalami kehilangan kuasa pendengaran yang sempurna, tidak dapat mendengar dengan jelas atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan bantuan alat bantuan pendengaran (JKM, 2016)



dan lebih dikenali sebagai pekak sebahagian atau pekak sepenuhnya. Graduan bermasalah pendengaran dalam kajian ini merujuk kepada pelajar lepasan IPT yang kurang berupaya untuk mendengar dan menyebabkan mereka sukar untuk mencari pekerjaan dan berkomunikasi dengan berkesan dalam organisasi pekerjaan. Kajian ini memberi fokus kepada graduan lepasan politeknik dan kolej komuniti dalam sijil kemahiran khas di Malaysia antara tahun 2013 hingga 2017.

1.10.3 Kemahiran Generik

Kemahiran generik merujuk kepada satu set kemahiran, pengetahuan, kefahaman dan sifat-sifat peribadi yang membuatkan seseorang lebih cenderung untuk memilih dan mendapatkan pekerjaan yang memuaskan hati mereka dan berjaya dalam kerjaya yang dipilih (Dacre Pool & Sewell, 2007). Kemahiran generik dalam konteks kajian ini merujuk kepada set kemahiran-kemahiran yang membantu mempertingkatkan kebolehpasaran dalam usaha menempuh kerjaya. Kemahiran generik bukan kebolehan teknikal tetapi perlu dimiliki oleh seseorang pekerja bagi mendapat tempat dalam pasaran kerja dan memastikan dia benar-benar trampil dalam pekerjaannya serta berjaya dalam kerjayanya. Kajian ini telah menjadikan *Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills* (SCANS, 1991) sebagai asas rangka kerja kemahiran generik yang dikaji. Antara kemahiran generik yang dikaji adalah kemahiran bahasa, kemahiran berfikir, kualiti peribadi, pengurusan maklumat, kemahiran komunikasi, dan kemahiran interpersonal.





1.10.4 Penilaian Kendiri

Menurut Judge, Erez, Bono, dan Thoresen (2003), penilaian sendiri ditakrifkan sebagai asas penilaian kelayakan, keberkesanan dan keupayaan seseorang individu. Penilaian sendiri merupakan gabungan empat trait iaitu: estim sendiri, efikasi sendiri, kecerdasan emosi dan lokus kawalan. Dalam konteks kajian ini, penilaian sendiri mengambil kira faktor dalaman secara mental dan psikologi seseorang graduan novis bermasalah pendengaran dari segi (1) estim sendiri yakni penghargaan diri untuk menerima diri sebagai OKU yang mampu bersaing dengan individu bukan OKU dalam pasaran kerja; (2) efikasi sendiri iaitu keyakinan dan kepercayaan diri sendiri untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang diimpikan dengan penuh semangat walau apa dugaan atau halangan yang dihadapi sehingga mencapai matlamatnya; (3) kecerdasan emosi yakni kebolehan mengawal emosinya walaupun menghadapi tekanan dan dugaan dalam pekerjaan; dan (4) lokus kawalan iaitu kepercayaan bahawa setiap kejayaan bermula dengan usaha sendiri, tidak mengharapkan bantuan dan belas kasihan orang lain.

Keempat-empat trait ini adalah saling berhubung kait untuk menunjukkan penilaian sendiri seseorang dari segi persamaan konsep dan ciri-cirinya. Seseorang yang memperoleh skor tinggi dalam penilaian sendiri merupakan individu yang positif, berkeyakinan tinggi, mudah membuat penyesuaian diri dan mempunyai kepercayaan kepada diri sendiri, lalu ditunjukkan dalam tahap estim sendiri, efikasi sendiri, kecerdasan emosi dan lokus kawalan dalaman yang tinggi (Judge et al., 2003). Penilaian sendiri dalam kajian ini diadaptasi daripada *Core Self-Evaluation Scale* (CSES) yang dibangunkan oleh Judge et al. (2003).



1.10.5 Pengalaman Diskriminasi

Diskriminasi OKU adalah layanan yang tidak adil ke atas warga OKU. OKU sering berdepan dengan pengasingan sosial termasuklah diabaikan dan dikeluarkan daripada aktiviti harian (Wee, Bullare@Bahari, Mutang, & Madlan@Endalan, 2016). Pengalaman diskriminasi dalam konteks kajian ini merujuk kepada pengalaman ketidakadilan yang pernah dialami di tempat kerja dari persepsi graduan PLTV bermasalah pendengaran. Kajian ini memberi fokus kepada persepsi graduan PLTV bermasalah pendengaran dalam layanan yang diterima dari segi sikap, anggapan dan tanggapan majikan serta rakan sekerja sehingga mempengaruhi perasaan ketidakpuasan kerja oleh graduan lalu bertingkah laku negatif terhadap organisasi. Instrumen yang digunakan untuk menguji pengalaman diskriminasi dalam kajian ini diadaptasi daripada *Experience of Discrimination* (EOD) oleh Krieger, Smith, Naishadham, Hartman, dan Barbeau (2005) serta *The Perceived Racism Scale* (PRS) oleh McNeilly et al. (1996).

1.10.6 Kebolehpasaran

Hughes dan Stoner (2000) merumuskan kebolehpasaran bukan setakat kesediaan pekerjaan, ia juga termasuk: (1) peralihan dari pendidikan dan latihan ke alam pekerjaan; (2) perkembangan dalam pekerjaan; (3) peralihan kemahiran dari satu tetapan ke satu tetapan yang lain; (4) pembangunan kemahiran di tempat kerja dan (5) peralihan dari tempoh pengangguran ke pekerjaan. Kebolehpasaran dalam kajian ini diukur melalui kejayaan seseorang dalam kerjayanya seperti mendapat pekerjaan dalam tempoh masa enam bulan selepas tamat pengajian, berpuas hati dengan pekerjaan,

berpeluang kenaikan pangkat, berada kekal dalam pekerjaan dan berupaya beralih dari satu persekitaran ke satu persekitaran kerja yang lain dalam menuju ke arah mencapai kualiti hidup yang lebih baik serta memajukan diri dalam kerjayanya dari pelbagai aspek faktor dalaman dan faktor luaran secara menyeluruh. Instrumen yang digunakan untuk menguji kebolehpasaran graduan PLTV bermasalah pendengaran dalam kajian ini diadaptasi daripada *Self-perceived Employability* oleh Rothwell dan Arnold (2007).

1.11 Rumusan

Secara ringkasnya, bab ini menghuraikan dengan jelas mengenai latar belakang isu pengangguran golongan bermasalah pendengaran dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mereka untuk mendapat tempat dalam alam pekerjaan. Hasil perbincangan dalam pernyataan masalah menjurus kepada pembentukan tujuh objektif kajian, tujuh persoalan kajian dan tujuh hipotesis kajian di mana ia lebih fokus kepada apa yang dikaji. Selain daripada itu, pengkaji juga mencadangkan satu kerangka konseptual kajian bagi menyokong idea kajian ini. Di bahagian akhir bab 1, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operaional juga dibincangkan.